



## GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta berdaftar dengan GIATMARA Sendirian Berhad bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
GM122/RMK12/64/2024	CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJITERIMA PERALATAN RMK12 RP4 BAGI KLUSTER PENGANGKUTAN (KURSUS TEKNOLOGI AUTOMOTIF, KURSUS BAIKPULIH DAN MENGECHAT KENDERAAN DAN KURSUS TEKNOLOGI MOTOSIKAL) DI LIMA (5) GIATMARA NEGERI SEMBILAN	130101 atau 020301	24/04/2024	30/04/2024 Hingga 06/05/2024	RM 5.00	13/05/2024 Isnin (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
  - i. Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
  - ii. Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
2. Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan GIATMARA semasa mengambil dokumen. GIATMARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA ianya tidak layak. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
3. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan.
4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi *pada waktu Pejabat* (8.30 pagi - 12.30 tengahari dan 2.30 petang - 4.30 petang di Pejabat GIATMARA negeri Sembilan seperti alamat di bawah. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat sama ada melalui tunai/wang pos atas nama GIATMARA SDN. BHD. Wang ini tidak akan dikembalikan.
5. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
6. GIATMARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. GIATMARA berhak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebutharga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat di bawah:-

**PENGARAH**  
GIATMARA Negeri Sembilan  
Lot 10240 Tingkat 1  
Jalan Dato' Muda Linggi  
70100, Seremban Negeri Sembilan

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

8. Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan akan ditolak.
9. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>